

Arkib Suara Anda

Senarai maklum balas yang dipaparkan ini adalah pendapat/cadangan/pertanyaan orang awam yang telah dikemukakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di dalam ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

No	Tarikh Pertanyaan	Pengguna	Pendapat / Cadangan / Pertanyaan	Tarikh Maklum Balas	Maklum Balas / Tindakan
62.	01/07/2021	Zuhairi Bin Abdul Karim	Saya Zuhairi wakil asnaf keluarga muallaf India di KG Koh Sitiawan. Skim bantuan banyak kerajaan pusat tawarkan tetapi malangnya pejabat hanya dibuka setengan hari or tak berjawab cuma mesin yg jawabkan. Sedih melihat mereka yang merana dan sengsara dek PKP 3.0 yg hilang punca pendapatan tetapi tiada support system yg baik even byk tawaran dari kerajaan utk mereka sebenarnya.	07/07/2021	Assalamualaikum tuan, Berkenaan cadangan tuan, pihak MAIPK ada menyediakan Dana Khas Bantuan Semasa PKP 3.0. Tarikh tutup untuk permohonan tersebut pada 9 Julai 2021 (Jumaat). Borang Dana Khas boleh didapati di Penghulu Mukim, Ketua kampung atau Jawatankuasa Masjid di kawasan kediaman tuan dan borang boleh diserahkan kepada Ibu Pejabat MAIPK atau Pejabat Daerah MAIPK yang berdekatan dengan kediaman tuan. 2. Maklumkan MAIPK telah memulakan operasi kaunter bermula 5 Julai 2021 melalui temu janji. Bagi aduan tuan, asnaf tersebut boleh menghubungi pejabat MAIPK Manjung ditalian 05-688 6957 dan membuat temu janji seperti link berikut: Capaian Awam Untuk Temujanji Urusan di MAIPK Capaian menggunakan Tel Bimbit / PC: https://janjitemumaipk.maiamp.gov.my/ Kaunter dibuka bermula jam 9.00 pagi - 3.00 petang. Sila buat janji temu terlebih dahulu sebelum datang ke pejabat MAIPK Pendaftaran janji temu ini dikecualikan untuk urusan berkaitan pengambilan borang bantuan / penghantaran borang bantuan / agihan bantuan kewangan bulanan / sewa rumah dan pengambilan beras. Sila pastikan hadir tepat waktu sepertimana masa yang dipilih ketika mengisi borang temujanji dan jika terlewat menyebabkan urusan anda terpaksa dibatalkan pada hari tersebut.Sekian,

					segala kesulitan yg berlaku pihak MAIPk memohon kemaafan.
--	--	--	--	--	---

61.	01/07/2021	Zambri Bin Azizzan	Assalamualaikum tuan puan..Saya ingin mengemukakan pertanyaan tentang permohonan saya di pejabat baitulmal Taiping.. Saya sudah menghantar borang tersebut dekat 1 tahun..Tapi masih belum ada jawapan..Saya tidak dapat bekerja kerana pkp tambahan pula saya mempunyai 5 orang anak yang masih kecil..Diharap pihak tuan/puan dapat mempertimbangkan permohonan saya ini dan menyemak semula sebab saya amat terkesan dimusim pkp ini..Saya sertakan nama penuh saya serta dan nombor ic sebagai rujukan pihak tuan/puan..Terima kasih kerana meluangkan waktu membaca pertanyaan saya ini.. ZAMBRI BIN AZIZZAN 8211711_08_6441.	07/07/2021	Walaikummusalam tuan, Berkenaan pertanyaan tuan, pihak kami mohon maaf, permohonan bantuan kewangan bulanan tuan tidak lulus, walau bagaimanapun bantuan sekaligus diberi sebanyak RM500. Keputusan Mesyuarat pada 14 Jun 2021. Maklumat lanjut tuan boleh menghubungi pejabat MAIPK Taiping di talian 05-806 6564. Sekian terima kasih.
-----	------------	-----------------------	--	------------	--

60.	29/06/2021	Muhamad Nazrul Bin Ahmad Nadzri	PKP tiada berkerja saya mohon bantuan duit nak beli makan.	07/07/2021	Assalamuualaikum tuan, Berkenaan pertanyaan tuan, tuan boleh menghubungi Pejabat Daerah MAIPK Kampar di talian 05-465 1143 untuk mohon bantuan. Terima kasih.
-----	------------	------------------------------------	--	------------	--

59.	29/06/2021	Roslan Bin Ramli	<p>Sy sudah tidak bekerja selama sebulan ,dmasa arahan lockdown dan tak boleh bekerja.saya sudah berkahwin dan ada 2 orang anak berumur 4tahun dan 6tahun,sy juga menyewa rumah ..saya begitu terkesan kerana tidak boleh bekerja disebabkan perintah pergerakan ini ..saya tiada iktiar lain lg .untuk menyara keluarga saya ketika ini ..hanya sy seorang bekerja didalam keluarga saya ...saya berharap jabatan ini dapat membantu saya dalam meringan maasah ini ..saya begitu terkesan dengan masaalah kewangan untuk menyara keluarga saya.saya berterima kasih dan bersyukur jika jabatan ini dapat membantu..sekian terima kasih.</p>	07/07/2021	<p>Assalamualaikum tuan, Bagi pertanyaan tuan, dalam tempoh terdekat, sekiranya tuan memerlukan barangan keperluan harian,tuan boleh hubungi Jawatankuasa masjid yang terdekat dengan kediaman untuk dapatkan bantuan seperti food bank dan sebagainya. Untuk makluman tuan, operasi pejabat MAIPk telah bermula, untuk permohonan bantuan, tuan boleh daftar temu janji di link berikut: Capaian Awam Untuk Temujanji Urusan di MAIPk Capaian menggunakan Tel Bimbit / PC: https://janjitemumaipk.maiamp.gov.my/ Kaunter dibuka bermula jam 9.00 pagi - 3.00 petang Sila buat janji temu terlebih dahulu sebelum datang ke pejabat MAIPk Pendaftaran janji temu ini dikecualikan untuk urusan berkaitan pengambilan borang bantuan / penghantaran borang bantuan / agihan bantuan kewangan bulanan / sewa rumah dan pengambilan beras. Sila pastikan hadir tepat waktu sepertimana masa yang dipilih ketika mengisi borang temujanji dan jika terlewat menyebabkan urusan anda terpaksa dibatalkan pada hari tersebut. Sekian, segala kesulitan yg berlaku pihak MAIPk memohon kemaafan.</p>
-----	------------	------------------	---	------------	---

58.	25/06/2021	Muhammad Faizal Bin Aring	Saya muafaf dari kg tumbuh hangat bernama Muhammad Faizal bin Aring mempunyai 3 org anak saya di beri cuti selama 4 minggu berturut turut kerana lockdown dan hilang punca pendapatan saya tak dapat bekerja lagi ...harap ada bantuan dari segi kewangan untuk saya menampung perbelanjaan anak dan isteri saya selama lockdown.	01/07/2021	Assalamualaikum, Berkenaan dengan permohonan encik, pihak kami ada sediakan Skim Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Dana Khas Bantuan Semasa Pkp 3.0 Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (Maipk). Encik Kategori ketiga boleh dapatkan borang Di pejabat Penghulu mukim, Ketua kampung atau Jawatankuasa Masjid di kawasan tempat tinggal encik bermula 21 Jun 2021 dan tarikh tutup 9 Julai 2021.
-----	------------	---------------------------	---	------------	---

57.	24/06/2021	Norhidah bt Abd Hamid	<p>Saya sorg ibu tunggal, umor 53..tidak bekerja,,tinggal sendiri di bilik sewa kepunyaan seorang kawan di kawasan greentown nova ipoh..jadi saya nak buat pemohonan untuk tempat tinggal dan perbelanjaan untuk sara hidup saya.</p>	07/07/2021	<p>Assalamualaikum puan, Berkenaan pertanyaan puan, pihak MAIPK ada menyediakan Dana Khas Bantuan Semasa PKP 3.0. Tarikh tutup untuk permohonan tersebut pada 9 Julai 2021 (Jumaat). Borang Dana Khas boleh didapati di Penghulu Mukim, Ketua kampung atau Jawatankuasa Masjid di kawasan kediaman puan dan borang boleh diserahkan kepada Ibu Pejabat MAIPK atau puan boleh menghubungi ditalian 05-208 4000/ 4120 / 4119 untuk memohon bantuan. 2. Untuk maklumat puan pejabat MAIPK telah memulakan operasi kaunter bermula 5 Julai 2021 melalui temu janji. Temu janji seperti link berikut: Capaian Awam Untuk Temujanji Urusan di MAIPK. Capaian menggunakan Tel Bimbit / PC: https://janjitemumaipk.maiamp.gov.my/ Kaunter dibuka bermula jam 9.00 pagi - 3.00 petang. Sila buat janji temu terlebih dahulu sebelum datang ke pejabat MAIPK Pendaftaran janji temu ini dikecualikan untuk urusan berkaitan pengambilan borang bantuan / penghantaran borang bantuan / agihan bantuan kewangan bulanan / sewa rumah dan pengambilan beras. Sila pastikan hadir tepat waktu sepertimana masa yang dipilih ketika mengisi borang temujanji dan jika terlewat menyebabkan urusan anda terpaksa dibatalkan pada hari tersebut. Sekian, segala kesulitan yg berlaku pihak MAIPK memohon kemaafan.</p>
-----	------------	-----------------------	---	------------	--

56.	20/06/2021	Muhammad Firdaus Bin Amri	Penyata zakat saya bagi tahun 2020 tiada maklumat terperinci dan tidak lengkap.	25/06/2021	Assalamualaikum Encik, Disini saya lampirkan penyata bayaran zakat tahun 2020 encik. Terima kasih.
-----	------------	------------------------------	---	------------	---

55.	20/06/2021	Sharifah Eilaff Binti Syed Saffrizal	Saya seorang pelajar STPM , dan saya mula belajar dari tahun 2020 . Mengapa saya tidak boleh memohon bantuan pendidikan am? Sebelum saya log in , saya semak kelayakan dan ia tertera saya layak untuk memohon kerana belum pernah memohon tetapi selepas saya log in ia tertera saya tidak layak memohon.	25/06/2021	Assalamualaikum, Dimaklumkan cik tidak melepasi syarat umum iaitu : Tarikh memohon tidak melebihi 3 bulan dari tarikh daftar diri ke IPTA / IPTS. Terima kasih.
-----	------------	---	--	------------	--

54.	17/06/2021	Mohd Firdaus Bin Noor Rashid	<p>Pemberian zakat kepada umat Islam yang terkesan dengan pandemik covid 19,sewajarnya maipk mengikuti langkah yg dibuat oleh majlis agama islam wilayah persekutuan,dengan memberi bantuan zakat kepada golongan B40,yang terkesan dengan pandemik covid 19. Saya memohon supaya tindakan segera perlu diambil supaya dapat membantu golongan yang amat terkesan dengan pandemik ini..dan saya amat berharap supaya proses untuk permohonan itu nanti dapat dipermudahkan...Islam itu indah dan memudahkan jangan la kite terlalu menyulitkannya,sehingga ade umat Islam kite yang sedang menderita terkesan dengan pandemik ini.. Saya memohon agar cadangan saya dapat diberi perhatian,supaya umat islam negeri perak dapat dibantu.</p>	21/06/2021	<p>Assalamualaikum Encik, Mengenai cadangan Encik Firdaus berkenaan bantuan zakat kecemasan PKP 3.0 telah pun Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) laksanakan. Bersama-sama ini dilampirkan salinan Siaran Media Dana Khas Bantuan Semasa PKP 3.0 untuk perhatian tuan. Keprihatinan pihak encik berhubung dengan perkara ini diucapkan terima kasih jua.</p>
-----	------------	------------------------------	--	------------	--

53.	16/06/2021	Aminuddin Bin Mohamad Ali	<p>saya telah menghantar dokumen wakaf tanah di MAIP Daerah Bagan Datuk pada bulan Oktober 2020. Sampai sekarang 15 Jun 2021 (8 bulan) masih tiada perkhabaran atau sebarang surat penerimaan menandakan harta yang saya wakaf tersebut telah diterima dan didaftarkan dgn MAIP. Apakah ini tred MAIP tahu menerima pewakafan sahaja dan tidak tau berterima kasih atau memberi respond terhadap penama yang memwakafkan harta.</p> <p>Mohon pihak MAIP berbuat sesuatu sebelum perkara ini dipanjangkan kepada Duli Tuanku. Sekian terima kasih.</p>	18/06/2021	<p>Assalamualaikum Encik, Berkenaan aduan encik mengenai Wakaf Tanah, pihak kami telah membuat siasatan dan mendapati pada 18 Jun 2021, Pembantu Tadbir Hartanah menghubungi Encik Aminuddin melalui telefon dan telah memberi penjelasan kepada Encik Aminuddin. Pihak MAIPk Bagan Datuk akan mengambil tindakan segera bagi pendaftaran pewakafan ini seperti pendaftaran segera di Pejabat Tanah Bagan Datuk dan urusan di Bahagian Mal dan Wakaf di ibu pejabat.</p>
-----	------------	---------------------------	---	------------	--

52.	12/06/2021	Mohd Yazeed Bin Mohd Akhlar	<p>Saya MOHD YAZEED dari Kamunting Taiping, menghadapi kesulitan hidup. Saya kehilangan kerja. tiada pendapatan tetap. Pandemic sedang melanda. Sulit untuk mencari rezeki. Saya ingin memohon BANTUAN untuk meringankan beban saya. Kerana saya mempunyai tanggungan. Mempunyai ibu YG berpenyakit darah tinggi.</p>	07/07/2021	<p>Assalamualaikum tuan, Berkenaan pertanyaan tuan, pihak MAIPK ada menyediakan Dana Khas Bantuan Semasa PKP 3.0. Tarikh tutup untuk permohonan tersebut pada 9 Julai 2021 (Jumaat). Borang Dana Khas boleh didapati di Penghulu Mukim, Ketua kampung atau Jawatankuasa Masjid di kawasan kediaman tuan dan borang boleh diserahkan kepada Ibu Pejabat MAIPK atau Pejabat Daerah MAIPK yang berdekatan dengan kediaman tuan. 2. Maklumkan MAIPK telah memulakan operasi kaunter bermula 5 Julai 2021 melalui temu janji. Temu janji seperti link berikut: Capaian Awam Untuk Temujanji Urusan di MAIPK Capaian menggunakan Tel Bimbit / PC: https://janjitemumaipk.maiamp.gov.my/ Kaunter dibuka bermula jam 9.00 pagi - 3.00 petang. Sila buat janji temu terlebih dahulu sebelum datang ke pejabat MAIPK Pendaftaran janji temu ini dikecualikan untuk urusan berkaitan pengambilan borang bantuan / penghantaran borang bantuan / agihan bantuan kewangan bulanan / sewa rumah dan pengambilan beras. Sila pastikan hadir tepat waktu sepertimana masa yang dipilih ketika mengisi borang temujanji dan jika terlewat menyebabkan urusan anda terpaksa dibatalkan pada hari tersebut. Sekian, segala kesulitan yg berlaku pihak MAIPK memohon kemaafan.</p>
-----	------------	-----------------------------	---	------------	---

51.	12/06/2021	Muhammad Hassan Bin Abdullah	Saya telah menelefon baitulmal teluk intan(hilir perak) untuk memaklumkan mengenai hal tersebut tetapi saya telah diberitahu yang bantuan bulanan saya ditundakan ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak atas alasan pkp 3.0 pejabat tutup...mohon pencerahan.	16/06/2021	Assalamualaikum Encik, Berkenaan pertanyaan encik, pejabat MAIPk Daerah Teluk Intan dah hubungi encik. Encik boleh datang ambil duit bantuan baitulmal untuk bulan 5 dan bulan 6 pada 24/6/2021 9 pagi di Dewan Kuliah Pejabat Agama Islam Hilir Perak. Terima Kasih.
-----	------------	---------------------------------	---	------------	--

50.	08/06/2021	Sandralyn Abarasa Asan	Assalamualaikum tuan/puan, saya merupakan ejen Etiqa Takaful Family Berhad. Salah seorang klien saya ingin membuat wakaf sebanyak 30% daripada hibahnya ke Baitulmal Negeri Perak. Mengikut peraturan yg etiqa tetapkan, saya perlu mendapatkan maklumat seperti Nama, No IC, dan Nombor telefon sebagai rujukan di masa akan datang. Sebarang maklum balas daripada pihak tuan/puan amatlah saya hargai.	09/06/2021	Walaikumussalam puan, berkenaan pertanyaan puan pegawai unit pembangunan wakaf maipk telah menelefon puan pada 09 Jun 2021. terima kasih.
-----	------------	------------------------	---	------------	---

49.	05/06/2021	Nor Azimah Binti Azhari	<p>Assalamualaikum, saya mempunyai masalah dengan pemotongan zakat. Saya telah menghubungi bahagian potongan zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada 18/5/2021 yang lalu namun tidak dapat bercakap dengan pegawai yang berkenaan dan pegawai yg menyambut talian mohon maklumat saya dihubungi semula. namun sehingga sekarang tiada pegawai yang menghubungi saya semula. pada 25/5/2021 dan 3/6/2021 saya telah menghubungi talian 052084000 untuk susuli masalah saya namun tiada pegawai yang menjawab panggilan. mohon pihak tuan untuk hubungi saya semula untuk bantu isu pemotongan zakat saya. Sekian terima kasih.</p>	16/06/2021	<p>Assalamualaikum Puan, Berkenaan aduan puan pihak MAIPK (pegawai Bhg. Pemasaran) telah menghubungi puan untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Terima kasih.</p>
-----	------------	-------------------------	---	------------	--

48.	31/05/2021	Nur Azreen Hanie Binti Baharuddin	<p>Boleh tolong semak tak transaction zakat saya, duit dah potong dalam akaun bila refresh dalam sistem, tiada rekod, ini butiran saya dan masa transaksi</p> <p>NUR AZREEN HANIE BINTI BAHARUDDIN 970613085172 MAYBANK- AZ CONQUER ENTERPRISE ID: 2105292308590722 NO PESANAN: AZ202105290136646 JUMLAH: RM 191.42</p>	09/06/2021	<p>Assalamualaikum puan, Berkenaan dengan aduan puan, pegawai Bahagian Kewangan telah berhubung dengan puan melalui emel pada 9 Jun 2021 berkenaan jumlah transaksi yang dibuat. Disini saya lampirkan penyata transaksi yang telah dibuat oleh puan. Terima Kasih.</p>
-----	------------	--------------------------------------	---	------------	---

47.	29/05/2021	Siti Norhamiza Binti Rusdi	Assalamualaikum, saya mahu adukan bahawa hampir setiap hari dari pukul 9.00 pagi sehingga pukul 2.30 petang saya menelefonbaitulmal taiping, tetapi tidak diangkat. saya hanya mahu menanyakan berkaitan duit dermasiswa saya yang saya belum terima. Saya ada menerima surat berkaitan dermasiswa saya telah lulus pada 7 April 2021. tetapi sehingga kini 28 May 2021 tiada sebarang berita mengenainya. Mohon tuan/puan tolong saya semak perkara ini... SITI NORHAMIZA BT RUSDI (000103080104) NOMBORNYA : 058066564 052084000	01/06/2021	Assalamualaikum Cik, Minta maaf di atas kesulitan yang Cik alami. Setelah dibuat semakan,permohonan cik telah diluluskan sebanyak RM700, dan diperingkat subbaucer bertarikh 3 Mei 2021. Urusan pembayaran ke akaun akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Terima Kasih.
-----	------------	-------------------------------	--	------------	--

46.	17/05/2021	Nur Intan Syuhana Binti Jaafar	Saya ingin memohon bantuan dari Maipk tetapi saya tidak ingat kata laluan oleh itu saya ingin dapatkan kata laluan semula tetapi tak dapat.	19/05/2021	Assalamualaikum Puan, Dimaklumkan pihak teknikal Unit Teknologi Maklumat (UTM) MAIPk telah menghubungi puan pada 19 Mei 2021 berkenaan permasalahan tersebut tetapi pihak MAIPk tidak dapat menghubungi puan. Pegawai teknikal UTM MAIPk telah reset katalaluan puan kepada xxxxxx. Terima kasih.
-----	------------	-----------------------------------	---	------------	--

45.	16/05/2021	Liza Hayati Binti Razali	<p>Saya berminat nak menyertai wakaf melalui portal Maipk, tetapi saya lihat web page wakaf maipk tak dikemaskini sejak 2018. Tak tahu apa status pembangunan yang dijalankan. Saya percaya ramai yang ingin menyertai wakaf maipk, tetapi melihatkan maklumat tidak dikemaskini, hasrat kami terbantut. Harap pihak Maipk atau admin page tersebut sentiasa mengemaskini data.</p> <p>Masih berjalan ke program wakaf maipk ni?</p>	09/06/2021	<p>Assalamualaikum Puan, Terima kasih di atas keprihatinan puan terhadap Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Sebagai makluman, dana ini masih berjalan seperti biasa dan keutamaannya sekarang adalah pada Wakaf Tunai, Wakaf Pusat Dialisis dan Wakaf Bussines Centre. Terima Kasih.</p>
-----	------------	--------------------------	--	------------	---

44.	16/05/2021	Laila Binti Zainuddin	<p>Salam encik/puan.. Saya terbayar Fidyah double. Sbb tadi line tak clear.saya ingat tak bayar.rupenye dah tolak.. Boleh refund tak 1 bayaran tu. Laila 0194812527.</p>	19/05/2021	<p>Assalamualaikum puan, Dimaklumkan pihak pegawai pentadbiran Bahagian Kewangan MAIPk telah menerima panggilan daripada puan mengenai pemasaalahan tersebut. Pihak pegawai pentadbiran Bahagian Kewangan akan memulangkan kembali bayaran pertama Fidyah puan yang puan terlebih bayar. Terima kasih.</p>
-----	------------	-----------------------	--	------------	--

43.	10/05/2021	Mohamad Zulkarnain Bin Zainun	<p>Assalamualaikum, Saya ingin bertanya tentang cara permohonan semula kad perak prihatin ibu saya yang telah hilang pada December 2020. Nama Ibu: ZAITON BINTI ABU SIHAT No ID :550228-08-5968] No Tel Ibu :019-6962950 No Tel Saya: 013-4292950 Saya telah menghubungi pegawai perak prihatin pada 18 Dec 2020 dah dimaklumkan kad tersebut telah diblok selepas membuat aduan kehilangan seminggu sebelum itu. Namun sekarang telah masuk bulan May namun tiada panggilan daripada mana-mana agensi samada baitulmal atau ADUN. Jadi saya ingin bertanya bagaimana ingin mendapatkan semula kad tersebut. Sekian terima kasih.</p>	19/05/2021	<p>Untuk makluman tuan, inisiatif mewujudkan kad Perak Prihatin adalah usaha pihak kerajaan negeri bagi membantu golongan sasar melibatkan keluarga berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar. Pihak MAIPk (Baitulmal) bekerjasama dengan kerajaan negeri dari sudut membekalkan senarai nama asnaf yang didaftarkan oleh MAIPk sahaja. Oleh yang demikian, bagi urusan kehilangan kad dan pertanyaan lain, tuan boleh berhubung terus di talian 1 800 22 6600 atau info@perakprihatin.com.</p>
-----	------------	-------------------------------	---	------------	---

42.	05/05/2021	Syahir Natasha Binti Shahrudin	Assalamualaikum. Saya Syahira Natasha Binti Shahrudin dari Lenggong. Saya hendak bertanya, bilakah wang akan dimasukkan ke dalam akaun bank setelah sub baucer bantuan am lulus? Saya nak minta agar Bucer Bantuan Am itu dipercepatkan kerana saya ingin membeli buku dan barang keperluan yang lain. Saya mohon maaf atas kesulitan dan menyusahkan pihak tuan/puan. Saya amat hargai jasa pihak tuan/puan	07/05/2021	Assalamualaikum, Mengenai pertanyaan cik, permohonan cik dalam proses pembayaran. cik boleh semak semula dalam tempoh 2 minggu dari sub baucer dikeluarkan (26 April 2021). Terima kasih.
-----	------------	-----------------------------------	--	------------	--

41.	03/05/2021	Irwan Bin Rustang	<p>Assalamualaikum dan Salam Ramdhan, Merujuk kepada tajuk, saya ingin membuat aduan terhadap Sistem Pengurusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Rdizuan (MAIAMP) berkenaan maklum balas pembayaran fidyah. Untuk makluman saya telah membayar fidyah melalui account MAIAMP (Bank Islam) No. 08013010089671 bertarikh 5 Apr 21. Resit pembayaran telah di majukan kepada email MAIAMP untuk mendapatkan pengesahan dan resit. Namun tiada respon daripada pihak MAIAMP, walaupun saya telah follow up berkali2 melalui email. Selain daripada email, saya juga ada menghubungi secara talian (sebanyak 2 kali) dan pihak MAIAMP telah berjanji untuk memajukan resit dalam masa terdekat dengan alasan kelewatan adalah disebabkan oleh PKP. Namun sehingga kini saya masih belum menerima resit dan pengesahan pembayaran. Kerisauan saya adalah, adakah pihak MAIAMP telah mengagihkan bayaran fidyah saya kepada golongan asnaf? Ini adalah tanggungjawab saya untuk memastikan ianya telah lunas. Saya mohon jasa baik SISPAA untuk menyelesaikan permasalahan saya ini. Sekian, terima kasih.</p>	19/05/2021	<p>Berkenaan kerisauan Encik tentang agihan beras fidyah, pihak MAIPK mempunyai kaedah dan tatakelola agihan yang bersistematik. Setiap bulan beras fidyah akan diserahkan kepada asnaf yang layak melalui pejabat-pejabat cawangan MAIPK seluruh negeri Perak, masjid dan pada masa terdekat ini, beras fidyah juga akan diagihkan di setiap masjid yang mempunyai food bank.</p>
-----	------------	-------------------	---	------------	--

40.	03/05/2021	Mohd Jaafar Bin Mohd Sultan	Assalamualaikum dan salam sejahtera. pada 30hb Okt 2020 saya ada menghantar email rayuan kepada pihak maipk melalui korporat@maiamp.gov.my berkenaan rayuan bantuan yang tidak diluluskan tanpa memberi apa apa sebab. saya dimaklumkan boleh membuat rayuan tetapi sehingga sekarang sudah hampir 6 bulan, masih tiada sebarang jawapan dari pihak tuan. kemungkinan rayuan saya ini terlepas pandang atau salah alamat. pohon semak semula. terima kasih.	19/05/2021	Permohonan rayuan tuan telah diterima dan dibawa masuk ke Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan MAIPk pada 7 Mei 2021. Walau bagaimanapun, keputusan rayuan tersebut gagal. Terima Kasih.
-----	------------	-----------------------------	---	------------	--

39.	03/05/2021	Aidil Faidz Bin Mohd Mahadzir	Link tidak berfungsi untuk menukar kata laluan baru bagi memohon bantuan pengajian.	19/05/2021	Assalamualaikum tuan, Dimaklumkan pihak teknikal Unit Teknologi Maklumat MAIPk telah menghubungi encik pada 04 Mei 2021 berkenaan permasalahan tersebut.
-----	------------	-------------------------------	---	------------	--

38.	30/04/2021	Shahidan bin Othman	<p>Assalamualaikum.. Sy sangat terharu apa yg berlaku kepada abg saya. Macam² permohonan dibuat tapi tidak layak. Memohon Zakat,baitumal dan oku tapi diabaikan sahaja. Abg saya pernah mengalami kemalangan dan menyebabkan patah bahagian kaki. Sering sakit dan bila berjalan sudah tidak normal seperti dulu. Setiap permohonan memerlukan medical check up dan bila dah serah semua borang tapi tiada tindak balas. Sampai doktor pun pelik dan hairan berkali buat check up dan lulus tapi permohonan diabaikan. Minggu lepas kena tahan 3 hari akibat jangkitan paru² berair dan jangkitan kuman.dia dari kecil memang ada jantung berlubang. Kesian tengok isteri dan anak perempuan berumur 9 tahun. Macam mana nak sara dgn keadaan dia macam tu. Bukannya dia memintaminta tapi tu memang layak dia dapat.</p> <p>Harap pihak tuan/puan paham apa yang saya sampaikan dan prihatin sesama manusia untuk membantu.. Dia tinggal di daerah slim river. Terima kasih.</p>	04/05/2021	<p>Assalamualaikum encik, Mengenai permohonan encik, dimohon jasa baik encik untuk memberi maklumat mengenai abang encik seperti berikut :- 1. Nama: 2. No. Tel : 3. Alamat tempat tinggal: 4. No. K/P: Tujuan maklumat ini supaya pegawai MAIPK Muallim dapat menghubungi abang encik dan membuat siasatan selanjutnya. Maklumat encik boleh emel ke nur_arina@maiamp.gov.my terima kasih.</p>
-----	------------	---------------------	---	------------	---

37.	11/04/2021	Muhammad Nasrul Hakimie bin Ahmad Kamil	Assalamualaikum,.....saya Muhammad Nasrul Hakimie bin Ahmad 98081308xxxx , saya nak buat pertanyaan baru baru ni saya telah buat panggilan kepada baitulmal dan baitulmal memberi tahu kepada saya yang permohonan bantuan telah lulus Dan sekarang ni saya kalau boleh nak tahu bilakah tarikh bantuan tersebut di salurkan.	15/04/2021	Nota Penyelesaian kepada Pelanggan Waaalaikumusalam tuan, Merujuk kepada pertanyaan tuan, pegawai dari MAIPk daerah Gerik telah memaklumkan bahawa tuan telah menerima bantuan one off sebanyak RM1,000.00 sahaja pada 8 April 2021 di MAIPk daerah Gerik. Sekian terima kasih.
-----	------------	---	--	------------	---

36.	22/03/2021	Ainaa Liyana binti Abdul Rahman	<p>Salam, saya ingin bertanya berhubung permohonan bantuan dialisis ayah saya. Butiran adalah seperti berikut:</p> <p>No rujukan permohonan : 00449716 No k/p : 65060308xxxx Nama : Rahaman bin Aw Mat Alamat : Tebing Tinggi, Ulu Mengkuang, 34140, Selama Perak. No tel : 011-365668xx</p> <p>Untuk makluman pihak tuan, bapa saya telah membuat permohonan pada tahun lepas. Pihak kami telah menghubungi pejabat baitulmal selama berkali-kali namun hasilnya masih dalam tindakan. Saya bimbang kesihatan ayah saya semakin merosot. Saya berharap agar permohonan bapa saya dapat diluluskan dalam masa terdekat.</p> <p>Kerjasama pihak tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.</p>	23/03/2021	<p>Terlebih dahulu pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan puan membangkitkan perkara ini melalui Borang Laman Web. Pihak MAIPk amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada orang ramai bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman puan, pihak MAIPk telah menjalankan siasatan terhadap maklum balas berkenaan. Adalah didapati permohonan puan telah Lulus. Pihak MAIPk telah membuat surat pemakluman kepada puan dan kami dalam proses untuk menghantar surat melalui pos . Pihak MAIPk memohon maaf atas kesulitan yang puan hadapi semasa berurusan dengan pihak MAIPk jika ada sebarang pertanyaan puan boleh menghubungi Puan Zaimma (Bantuan Hemodialisis) ditalian 05-208 4079. Kerjasama puan amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.</p>
-----	------------	---------------------------------	--	------------	--

35.	17/03/2021	Wan Amirul Syazwan bin Wan Adzhar	Saya nak bertanya bantuan pelajar am saya dah lulus dan saya nak tahu cara pembayaran dia macam mana, dekat laman web dia tulis sub baucer adakah akan diberi baucer atau pembayaran akan dibuat dalam bank in. Itu saja. Terima kasih.	18/03/2021	Nota Penyelesaian kepada Pelanggan Pembayaran akan dibuat secara EFT (electronic fund transfer) ke dalam akaun tuan sebanyak RM600.00 sahaja. Pembayaran akan dibuat dalam masa sebulan dari tarikh kelulusan permohonan tuan.
-----	------------	-----------------------------------	---	------------	--

34.	16/03/2021	Mohammad Nurfirdaus Fikhri bin Muhamed Bakri	Assalamualaikum.. saya Mohammad Nurfirdaus Fikhri bin Muhamed Bakri.....saya ada memohon bantuan kewangan. Borang saya sudah hantar ke pejabat MAIPK bandar Seri Iskandar Perak.	17/03/2021	Terlebih dahulu Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan tuan/puan membangkitkan perkara ini melalui Borang Laman Web. MAIPk amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada orang ramai bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman tuan, pihak MAIPk telah menjalankan siasatan terhadap maklum balas berkenaan. Adalah didapati permohonan tuan telah Lulus sebanyak RM1,000.00 sahaja dan telah diserahkan wang sebanyak itu kepada wakil ahli keluarga tuan pada bulan Januari 2021. Sekian, terima kasih.
-----	------------	--	--	------------	---

33.	15/03/2021	Mohd Fakhri bin Khairuddin	<p>Assalamualaikum.. saya ingin bertanya berkait dgn zakat simpanan dan zakat kwsp.</p> <p>1. Adakah saya perlu bayar zakat kwsp yg dikeluarkan melalui ilestari dan isinar yang keseluruhan berjumlah RM 16000. Jika perlu bayar, adakah bayar selepas kesemua jumlah tersebut ada di dalam simpanan saya atau boleh keluarkan zakat terlebih dahulu?</p> <p>2. Setahu saya, zakat simpanan adalah dari simpanan bermula pd 1 januari (awal tahun) hingga 31 disember (akhir tahun) pada tahun terlibat. Oleh itu, saya boleh ikut kepada penyata2x bank yang saya ada. Adakah simpanan yang bukan dalam bank (tabungan/simpanan wang bawah bantal) juga perlu di ambil kira? Apa pula status dividen2x yang diperoleh selepas 31 disember?</p> <p>3. Berapa haul bagi zakat simpanan dan zakat kwsp? Mohon pencerahan. Jutaan terima kasih di ucapkan.</p>	17/03/2021	<p>Nota Penyelesaian kepada Pelanggan</p> <p>1. Zakat KWSP perlu ditunaikan sejurus jumlah tersebut ada dalam simpanan dan tidak perlu tunggu cukup 1 tahun. Namun, bagi pengeluaran isinar dan ilestari yang melibatkan hilang punca pendapatan, pengurangan pendapatan dan hutang yang mendesak tidak diwajibkan. Jika terdapat lebihan perlulah dicampur dengan simpanan yang lain untuk mengira nisab. Jika pengeluaran dibuat tanpa sebab diatas maka zakat adalah diwajibkan berdasarkan pengeluaran tersebut.</p> <p>Contoh pengiraan ilestari dan isinar = RM 16,000 Zakat = 2.5% RM 16,000 x 2.5% = RM 400</p> <p>2. Simpanan tabungan / wang bawah bantal / lain2 wang yang tersimpan perlu dikira sebagai pengiraan Zakat Simpanan.</p> <p>3. Haul bagi pengiraan zakat adalah bersama 1 tahun hijri atau bersamaan 354 hari. Namun, pengiraan mengikut tahun masihi iaitu 365 hari adalah dibolehkan.</p> <p>Zakat Simpanan : Syarat wajib bagi zakat wang Simpanan ialah cukup haul (genap 1 tahun)</p> <p>Zakat KWSP : Ditunaikan sebaik sahaja sejumlah wang caruman dikeluarkan.</p>
-----	------------	----------------------------	--	------------	---

32.	11/03/2021	N Sakinah	<p>Saya ingin mencadangkan dan memohon agar dibina sebuah bangunan untuk Sekolah Rendah Agama Rakyat di Taman Impiana Adril Menglembu Ipoh. Memandangkan tiada bangunan sendiri sekarang sekolah menumpang ruangan di tepi surau yang telah diubahsuai menjadi kelas SRAR. Ini bagi keselesaan murid dan proses pembelajaran lebih lancar dan efektif. Di kawasan berdekatan juga tiada kemudahan SRAR dan menyebabkan berlakunya kesesakan kerana ruangan kelas yang tidak dapat menampung bilangan pelajar. Pelajar terpaksa berhimpit di dalam kelas. Diharap pihak berkenaan mengambil maklum tentang perkara ini.</p>	20/03/2021	<p>Jabatan Agama Islam Perak merakamkan ucapan terima kasih kepada puan atas kepercayaan kepada kami dalam mengendalikan cadangan ini. Cadangan berkaitan akan dipertimbangkan dan perkembangannya akan dimaklumkan kepada puan dari semasa ke semasa. Puan bolehlah menghubungi saya atau melayari laman web perak.spab.gov.my untuk menyemak status cadangan. Sekian, terima kasih.</p>
-----	------------	-----------	--	------------	--

31.	10/03/2021	Siti Aminah Jamaluddin	<p>Pengeluaran KWSP Untuk Pembayaran Hutang PTPTN</p> <p>Butiran : Tahun 2017 - Membuat Pengeluaran KWSP Akaun 2 Untuk Bayaran Tunggakan PTPTN (Diploma - Akaun 1)</p> <p>2020 - Pengeluaran I Sinar Untuk Menampung Perbelanjaan Di Sebabkan Gaji Berkurangan</p> <p>2021 - Pengeluaran I Lestari - Tujuan Untuk Bayar Baki Tunggakan PTPTN (Ijazah - Akaun 2)</p> <p>Lokasi :</p> <p>Lokasi/Zon : Pihak Berkuasa Tempatan > Majlis Perbandaran Manjung</p>	17/03/2021	<p>Nota Penyelesaian kepada Pelanggan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeluaran KWSP Akaun 2 pada tahun 2017 untuk bayaran tunggakan PTPTN : Dikenakan Zakat. 2. Pengeluaran i lestari pada 2020 atas faktor gaji berkurangan : Tidak dikenakan zakat. Namun sekiranya terdapat lebihan dan dicampurkan simpanan sedia ada melebihi nisab maka zakat wajib dibayar. 3. Pengeluaran i Sinar pada 2021 : Perlu tunaikan zakat terlebih dahulu jika tiada pengurangan pendapatan atau membayar hutang keperluan daruriyat yang mendesak.
-----	------------	---------------------------	---	------------	--

30.	10/3/2021	Saril B Seliman @ Sulaiman	<p>Saya tak tahu dimana tempat untuk saya mengadu hal. Saya kerja sebagai pemandu kenderaan bas ekspres. Saya tiada kerja sekarang. Saya takda pendapatan. Saya takda langsung sekarang ini. Bantuan pun saya tak dapat. Saya ada azam untuk majukan diri dengan bekerja sendiri sebagai petani dan juga penternak. Saya tak tahu kepada siapa saya boleh mohon bantuan dari apa jua sudut demi kejayaan untuk merealisasikan impian saya, jika maipk boleh bantu saya sangat bersyukur tapi harapan untuk dibantu saya tidak berharap sangat.</p>	17/03/2021	<p>Terlebih dahulu Majlis Agama Islam dan "Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan tuan/puan membangkitkan perkara ini melalui Borang Laman Web. MAIPk amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada orang ramai bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman tuan/puan, MAIPk telah menjalankan siasatan terhadap maklum balas berkenaan. Pihak MAIPk akan mengaturkan pertemuan dengan pengadu bagi membincangkan lebih lanjut mengenai perancangan tuan supaya bantuan yang bersesuaian dapat disalurkan kepada tuan. Sekian, terima kasih.</p>
-----	-----------	----------------------------	--	------------	--

29.	03/03/2021	Nooramin bin Abd Khalip	Assalamualaikum..sudah setahun lebih saya dapat bantuan bulanan tapi sudah 2 bulan saya check akaun duit dah tak masuk macam biasa boleh saya tahu kenapa? Saya nak pergi pejabat, saya pun kurang sihat nak jalan kaki pergi pejabat maipk taiping dengan keadaan tulang dok sakit, nak jalan pun tak larat tapi kalau terpaksa saya kena pergi jugak la sebab duit tu je saya harap untuk terus hidup org pun tak nak terima saya berkerja.	03/03/2021	Terlebih dahulu Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan tuan/puan membangkitkan perkara ini melalui Borang Laman Web. MAIPk amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada orang ramai bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman tuan/puan, pihak MAIPk telah menjalankan siasatan terhadap maklum balas berkenaan. Adalah didapati bantuan kewangan bulanan untuk Tahun 2021 telah TAMAT. Sekian, terima kasih.
-----	------------	-------------------------	---	------------	--

28.	24/2/2021	Syazana Zainol	Bagaimanakan caranya untuk mendaftar sebagai kontraktor kerja Baitulmal Perak?	01/03/2021	Terlebih dahulu Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan tuan/puan membangkitkan perkara ini melalui Borang Laman Web. MAIPk amat mengalu-alukan cadangan serta pandangan daripada orang ramai bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Untuk makluman puan, pihak puan boleh menghantar profil Syarikat di e-mel rasmi MAIPk korporat@maiamp.gov.my atau puan boleh menghubungi Unit Projek dan Fasiliti (UPF) 05-208 4032. Sekian, terima kasih.
-----	-----------	----------------	--	------------	--

27.	16/5/2018	Mohd Faiq Zuhairi	<p>Salam,</p> <p>Saya ingin mencadangkan proses pembayaran fidyah secara online. Seajar dengan majlis agama islam negeri lain yang telah melaksanakan perkhidmatan tersebut. Harap dipertimbangkan untuk kemudahan bersama.</p> <p>Terima kasih</p>	16/5/2018	<p>Wa'alaikumussalam wr. wbt.,</p> <p>Terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan yang dikemukakan oleh tuan berkaitan kaedah pembayaran melalui atas talian (online).</p> <p>2. Sebagai makluman, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) setakat ini belum lagi mewujudkan kaedah pembayaran secara online bagi bayaran fidyah selain dari bayaran utk zakat dan wakaf tunai. Walaubagaimanapun, pihak MAIPk dlm proses melihat dan mengkaji kesesuaian pembayaran fidyah melalui online agar selari dengan kehendak hukum.</p> <p>3. Buat masa ini pihak tuan boleh membuat bayaran tersebut terus ke kaunter-kaunter bayaran zakat di semua Pejabat MAIPk diseluruh Negeri Perak ada.</p>
-----	-----------	-------------------	---	-----------	--

					<p>4. Sekali lagi pihak MAIPk mengucapkan terima kasih di atas perhatian tuan dan pihak MAIPk akan cuba untuk menambahbaik kaedah pembayaran tersebut dari masa ke semasa.</p> <p>Sekian, Terima Kasih.</p>
26.	5/4/2018	Rosita Harun	<p>Assalamualaikum,</p> <p>Saya adalah pencharum yang pertama kali mahu menyumbangkan secara online. Saya difahamkan peyumbang harus mendaftar secara online sebelum melakukan apa apa sumbangan. Mohon pihak tuan dapat memberitahu saya cara-cara atau langkah-langkah yang harus dilakukan melauai internet. Sila beritahu saya talian yang mana harus saya panggil untuk mengajar saya melalui telepon.</p> <p>Sekian terima kaseh</p>	6/4/2018	<p>Wa'alaikumussalam wr. wbt.,</p> <p>Terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih di atas pertanyaan yang diajukan kepada pihak kami. Merujuk kepada pertanyaan Puan yang ingin menyumbang secara online, Puan boleh membuat bayaran wakaf melalui cara internet banking atau FPX.</p> <p>Puan boleh ikuti cara-cara pembayaran seperti dipautan berikut:-</p> <p>1)Internet banking:</p> <p>http://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/bayaran-wakaf/2015-12-17-03-41-02</p> <p>2)FPX:</p> <p>http://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/bayaran-wakaf/2015-12-17-03-41-39</p>

					<p>Sekiranya Puan ingin mendapatkan penjelasan lanjut, boleh berhubung terus dengan Bahagian Pemasaran seperti di talian 05-208 4154 (En. Tasyreef) / 05-208 4160 (En. Saiful Izham)/ 05-208 4033 (Cik Nadia). InsyaAllah Puan akan dibantu oleh pegawai-pegawai kami dengan lebih jelas.</p> <p>Sekian, terima kasih. Unit Perhubungan Korporat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.</p>
25.	22/11/2017	Muhammad Nor Naim	Assalamualaikum, saya ingin bertanya. Duit bantuan pelajaran am saya masih tidak dapat. Sedangkan rakan saya yang lain sudah menerimanya.	29/11/2017	<p>Wa'alaikumussalam wr. wbt.,</p> <p>Mohon saudara Naim berhubung terus dengan Pegawai Zakat di talian 05-208 4153 (Puan Ruziah) / 05-208 4088 (Puan Hidayu) untuk semakan permohonan.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
24.	12/11/2017	Mohamad Rais bin Mohd Shuhaimi	<p>Assalamualaikum. saya Mohamad Rais Bin Mohd Shuhaimi ada memohon bantuan Skim Penyelesaian Hutang. Sekarang saya dah tukar nombor telefon, jadi saya nak mengemaskini no telefon yang baru macam mana ya?</p> <p>No telefon Baru: 0195521853</p> <p>Alamat: 1372P, Kuarters Kolej Vokasional Kuala Kangsar, 33700 Padang Rengas, Perak.</p>	13/11/2017	<p>Wa'alaikumussalam wr. wbt.,</p> <p>Tuan boleh terus berhubung dengan Puan Loizaiah di talian 05-208 4152 untuk kemaskini nombor tuan.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

23.	10/11/2017	Nor Baizura	<p>Assalamualaikum,</p> <p>Boleh saya dapatkan nombor pegawai zakat? Saya ingin mengemukakan pelajar pelajar yang perlukan bantuan. Saya sudah beberapa kali menalipon dan menghantar email,malangnya,tiadaresponse.</p> <p>Wasalam.</p> <p>Yangbenar,</p> <p>Norbaizura</p>	13/11/2017	<p>Wa'alaikumussalam wr. wbt.,</p> <p>Berikut merupakan beberapa nombor sambungan pegawai di Bahagian Agihan Zakat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ustaz Ahmad Muzammil - 05-208 4112 2) Encik Mohd Fahmi - 05-208 4054 3) Puan Norhidayu - 05-2084088 4) Puan Maizura - 05-208 4133 5) Cik Farah - 05-208 4132 <p>Sekian, terima kasih.</p>
22.	27/10/2017	Izzati	<p>Saya ingin membuat aduan tentang pergaulan bebas di tempat tinggal yang disewa oleh pelajar IPT di Greentown Suria. Sebuah apartment ,beralamat B-6-5 Greentoen Suria, Jalan Dato' Ahmad Said, Ipoh, Perak sering saya lihat ada pelajar membawa lelaki masuk ke rumah juga di sekitar aras itu ada yang bercumbuan sekitar jam lewat pagi. Harap tempat tersebut diberi perhatian setiap masa.</p>	30/10/2017	<p>Assalamualaikum wr. wbt.,</p> <p>Urusan berkaitan dengan perkara berikut perlu dirujuk dengan JAIPk. MAIPk adalah sebuah badan berkanun yang menguruskan hal-hal berkaitan zakat dan wakaf. Walau bagaimanapun, emel Puan sudah dimajukan kepada JAIPk untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan lanjut, Puan boleh berhubung terus dengan JAIPk di talian 05-2084800.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
21.	9/10/2017	Nur Aqilah Dianah	<p>Assalamualaikum,</p> <p>Saya ada isikan borang BANTUAN KEMASUKKAN</p>	12/10/2017	<p>Assalamualaikum,</p> <p>Berhubung perkara yang dimaklumkan, pihak kami akan cuba untuk menukar</p>

			IPTA/IPTS BAGI TAHUN 2017 secara online tapi saya tersilap terletak nama saya sebagai pemohon kerana menggunakan auto correct and auto fill. boleh tak saya nak menukar nama saya dengan nama adik saya? saya mahu kemaskini tetapi tidak boleh menukar nama saya. boleh bagi penyelesaian tak?		nama Aqilah kepada nama adik Hamizah. Namun, jika tidak keberatan mohon adik tinggalkan no telefon utk memudahkan pihak kami menghubungi adik bagi sebarang maklumat seterusnya. Sekian, dimaklumkan.
20.	12/10/2017	Mohd Irwan bin Asmail	Assalamualaikum... Saya ingin bertanya bagaimana untuk mendapatkan kad nikah. Sejak 2004 saya masih menggunakan sijil nikah bagi sebarang urusan dan pengesahan perkahwinan. Mohon maklumat cara untuk mendapatkan kad nikah jika ada. Terima kasih	13/10/2017	Wa'alaikumussalam wr. wbt., Permohonan Tuan bagi mendapatkan kad nikah perlu dibuat di Jabatan Agama Islam Perak(JAIPK). Walau bagaimanapun, emel Tuan sudah dimajukan kepada JAIPK untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan lanjut, Tuan boleh berhubung terus nombor JAIPK ditalian 05-2084800. Sekian, terima kasih.
19.	15/9/2017	Zainuddin Bin Mat Abu	Assalamualaikum Dato',tuan/puan.. Saya Zainuddin bin Mat Abu berumur 39 tahun bekerja sebagai pembantu operasi di Seri Iskandar menerima gaji bersih sebanyak RM1,076.00 mempunyai seorang isteri & 4 orang anak dimana 3 daripadanya berumur 13thn,11thn,6thn bersekolah menengah & rendah & seorang masih berumur 2tahun 4 bulan telah datang secara terdesak ke Cawangan Baitulmal.	15/9/2017	Assalamualaikum, Terima kasih diatas maklumat daripada pihak cik. Pihak kami akan hubungi cik bagi memudahkan penyampaian maklumat. Sekian, terima kasih
18.	8/9/2017	Abu Bakar	Assalamualaikum...saya salah seorang penduduk mukim Klebang Restu ingin membuat aduan mengenai seorang Imam di masjid Medan Klebang Restu. Imam Sabri merupakan Imam senior. Sebutan Mim dan Nun hampir serupa dalam Fatihah. Ini menimbulkan perasaan kurang	13/9/2017	Assalamualaikum wr. wbt., Urusan berkaitan dengan Imam masjid perlu dirujuk kepada JAIPK. MAIPK merupakan badan berkanun yang

			yakin ketika menjadi Makmum. Dipohon jasa baik untuk seseorang memantau bacaan Fatihahnya.		menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan zakat, wakaf dan baitulmal. Walaubagaimanapun, emel tuan sudah dimajukan kepada JAIPK untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.
17.	30/8/2017	Rosita bt. Mahmood	Saya, Rosita binti Mahmood IC 590126-10-6496 ada menghantar borang permohonan bantuan pada Khamis 17 Ogos 2017. Saya berharap pihak tuan/puan dapat sekiranya memberitahu status permohonan saya. Alamat: 21 Lebuh Tembok 4 Taman Permai 30010 Ipoh Perak No. Tel: 0183668286	5/9/2017	Assalamualaikum, Boleh saya dapatkan dengan lebih terperinci slip permohonan apa ye puan untuk memudahkan saya membantu puan? Sekian, terima kasih.
16.	30/8/2017	Muhammad Aliff Ikmal bin Khamid	Assalamualaikum , saya Alif seorang pemohon bantuan am pelajaran , IC saya 981223-08-6237, saya ingin bertanyakan tentang status permohonan saya, adakah saya diterima? jika diterima bagaimanakah pihak MAIPK akan memaklumkan saya , adakah melalui email ataupun surat? dan bilakah selewat-lewatnya penerimaan zakat tersebut ? harap maklum.	6/9/2017	Assalamualaikum, Untuk makluman adik, permohonan adik telah kami terima dan juga telah lulus. Pihak kami dalam proses pengesahan keputusan bagi proses pembayaran. sebarang makluman akan dimaklumkan terus melalui surat rasmi. Sekian, terima kasih -- Unit Pengurusan dan Perhubungan Zakat Bahagian Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak No Tel : 05-2084132 No. Faks : 05-2414257

15.	9/12/2016	Fazilah Yusoff	<p>Assalamualaikum Tuan/Puan,</p> <p>Saya nak bertanya, ibu mertua saya pengidap penyakit kencing manis. Saya nak mohon bantuan air untuk kegunaan hariannya. Ada ke bantuan untuk ini?</p>	15/12/2016	<p>Assalamualaikum,</p> <p>Terima kasih di atas pertanyaan pihak puan. Untuk makluman puan, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) ada menyediakan SKIM BANTUAN HEMODIALISIS bagi Asnaf Fakir dan Miskin. Bantuan ini melibatkan bantuan dialisis dan CAPD melalui 38 buah panel pusat dialisis yang berdaftar dengan pihak MAIPk. Oleh yang demikian, pihak puan boleh mendapatkan borang tersebut di pejabat Baitulmal berhampiran serta dilengkapkan sebelum dihantar kembali ke pejabat Baitulmal berkenaan. Bersama-sama borang tersebut, dimohon pihak puan untuk melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan pada borang beserta surat daripada pihak hospital berkaitan keperluan mendapatkan rawatan dialisis atau CAPD. Sekian, dimaklumkan.</p>
14.	9/12/2016	Nuranis Hanina Bt Abdullah	<p>Assalamualaikum saya ingin bertanya mengenai pengiraan zakat ASB. Adakah kaedah pengiraan zakat ASB ini dilakukan selepas dividen atau sebelum dividen ? Sekian Terima Kasih</p>	14/12/2016	<p>Assalamualaikum</p> <p>Berdasarkan kepada e-mail puan pada 9 Disember 2016 adalah dirujuk. Untuk makluman puan, zakat ASB adalah tertakluk kepada syarat zakat seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1)Islam 2)Merdeka 3)Cukup Nisab 4)Cukup Haul (Genap Setahun Harta disimpan) 5) Harta Sempurna Milik

					Oleh demikian, pihak kami memohon maklumat tambahan untuk menaksirkan zakat tersebut. Pihak puan bolehlah meninggalkan nombor telefon utk dihubungi atau berhubung dengan pegawai kami Us.Mohd Latiff bin Talib di talian 05-2084123. Kerjasama dan keprihatinan puan kami dahului dengan ucapan terima kasih. sekian.
13.	5/11/2015	Meor Ridzwan Bin Azizol Hassan	Assalamualaikum.Saya bukanlah ingin membuat aduan tetapi sebaliknya ingin tanya kenapa Baitumal di Taiping Perak kehabisan peruntukkan untuk bantuan segera dan terlalu lama untuk menunggu peruntukkan dari ibu pejabat. Saya telah 6 kali ke baitumal untuk memohon bantuan kerana saya kini sedang terkandas di taiping dalam keadaan kereta saya yang rosak membawa anak anak yg masih kecil tanpa tempat penginapan tanpa wang kadang2 saya terpaksa tebalkan muka untuk meminta kepada orang.Saya jadi seperti ini kerana masalah yg berlaku kerana pihak mahkamah telah menghantar surat pengesahan yg tanpa menyatakankan perkara yg sepatutnya...dan terdapat beberapa kesilapan yg dibuat kesilapan yg dilakukan mereka membabitkan kos kepada saya sepanjang 2 minggu lebih saya menunggu jawapan dari mereka saya telah belanjakan duit saya hampir RM3,000.00 dengan anak anak saya terpaksa tidak hadir ke sekolah isteri terpaksa bergolok gadai kerana jumpa wang yg ingin saya ambil kembali bernilai hampir RM20,000.00 saya datang dari Kuala Lumpur dan saya pergi kebaitumal Taiping ingin memohon bantuan segera dan kecemasan kerana anak anak yg kelaparan dengan kereta yg tak boleh jalan jauh minyak hitam habis, tayar dah nampak benang. Saya berharap sangat2 kepada mereka yg tahu tentang dimana boleh saya mohon.	05/11/2015	Waalikumussalam. Pihak MAIPK memohon maaf atas kesulitan sepanjang tuan berurusan dengan pihak MAIPK Taiping. Pihak MAIPK Taiping menjaga sebuah daerah yang mempunyai ramai penduduk Islam. Justeru, kadar permohonan bantuan segera di pejabat MAIPK Taiping adalah tinggi. Ia menjadi salah satu sebab wang tunai untuk bantuan segera cepat kehabisan peruntukan. Pihak MAIPK akan membantu tuan sewajarnya

12.	21/10/2016	Nurulhuda	Assalamualaikum, disini saya ingin bertanya apakah syarat-syarat kelayakan untuk memohon bantuan dermasiswa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Sekian, Terima Kasih.	26/10/2016	Bersama-sama ini disertakan borang permohonan yang tertera syarat-syarat mengikut setiap skim termasuklah Dermasiswa yang cik ingin tahu. Sebarang pertanyaan boleh telefon terus di 05-2084000 dan bercakap dengan pegawai yang menguruskan skim dermasiswa . Sekian.
11.	21/09/2015	Mohd Sofian	Cari tempat nak download khutbah jumaat tak jumpa-jumpa..harap sediakan satu ruang di laman utama.	23/09/2015	Assalamualaikum Saudara Sofian,khutbah Jumaat diuruskan oleh pihak Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak. Mereka boleh dilawati di url http://jaipk.perak.gov.my/my/ . Terima kasih.
10.	21/09/2015	Mohd Imran bin Zakaria	Salam MAIPk. Saya merupakan seorang penjawat awam di Ipoh. Saya amat memerlukan bantuan kewangan untuk menyelesaikan pinjaman saya di pinjaman berlesen sebanyak RM3000. Saya juga ingin memohon bantuan duit poket RM2000 utk menyelesaikan hutang.Saya sudah buntu untuk menyelesaikan masalah saya ini. Harap sangat pihak MAIPk dpt bantu saya walaupun hanya dengan membayar untuk pinjaman berlesen sahaja. Kalau ini dikira pinjaman saya sanggup untuk membayar secara ansuran dengan cara autodebit dari akaun gaji saya.	23/09/2015	Assalamualaikum Permohonan bantuan penyelesaian hutang En. Imran bergantung kepada Had Kifayah serta syarat-syarat bagi memastikan setiap permohonan patuh kepada Hukum Syarak. Dipohon bantuan En. Imran untuk mendapatkan dan menyerahkan semula borang bantuan permohonan tersebut di Ibu Pejabat atau cawangan MAIPk bagi proses selanjutnya. Selain itu, Agensi yang boleh membantu pengurusan kewangan dan hutang En. Mohd Imran ialah Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). Sekian, terima kasih.
9.	01/09/2015	Nur Dianah binti Ahmed Fuad	Assalamu'alaikum wbt.. Saya ingin bertanya bagaimana cara untuk saya memohon sijil peperiksaan i'dadi dan thanawi jika sijil saya telah hilang. Saya merupakan	01/09/2015	Saudari boleh berhubung dengan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak di talian 05-2048000

			<p>bekas pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak. Saya menduduki peperiksaan i'dadi pada tahun 2005 dan peperiksaan thanawi pada tahun 2007. Mohon Pencerahan. Terima Kasih.</p>		<p>berkenaan dengan sijil peperiksaan i'dadi dan thanawi.</p> <p>Terima Kasih.</p>
8.	27/08/201	Mohamad Amri Alfikri	<p>Saya Cikgu Azizi bin Ghazali dr Sk Karai Enggor, K.Kangsar, ingin memohon jasa baik dan keprihatinan tuan2 dan puan2 semua bagi membantu meringankan beban dua anak murid saya iaitu Mohd Irfan Tajudin 10 thn dan kakaknya Nur Azawiyah Tajudin 11 thn. Mereka berdua ialah anak yatim yg kematian bapa 3 thn lepas..mereka berdua juga mempunyai 2 kakak dan 4 abg yg masih bersekolah menengah. Manakala kakak sulung mereka berkerja sebagai pembantu kedai mkn bagi menyara mereka sekeluarga. Ibu anak2 malang ini menderita kanser payudara tahap 4 dan juga mengalami kerosakan buah pinggang yg serius..Dulu ibu murid ini mengambil upah mengasuh anak. Kini ibu malang ini hanya terlantar di katil. Marilah sama2 kita membantu meringankan beban anak yatim 9 bersaudara ini.</p>	28/8/2015	<p>Assalamualaikum</p> <p>En. Amri, berhubung dgn aduan En. Amri berkaitan dua beradik yang menjadi viral dalam sebahagian media sosial, dimaklumkan bahawa, Pn. Nor Asarifah bt Megat Mokhtar, ibu kepada dua murid tersebut merupakan penerima SKim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM450 sebulan sejak Oktober 2014. Pihak MAIPK baru meluluskan Bantuan Bulanan RM350 sebulan sebagai bantuan tambahan kepada keperluan sara hidup keluarga ini di samping keperluan untuk kos perubatan dan perjalanan ulang alik bagi rawatan di Hospital Besar Ipoh mulai Ogos 2015. Pihak MAIPK Kuala Kangsar telah menziarah keluarga ini sebanyak dua kali bagi memberikan bantuan kecemasan sebelum diberikan bantuan bulanan. Sekian, terima kasih di atas keprihatinan En. Amri.</p>
7.	25/8/2015	Musliha binti Saleh	<p>Assalamualaikum..saya ingin meminta bantuan dari pihak tuan untuk mendapatkan zakat disebabkan masalah keberhutangan yang serius kerana potongan berganda yang dilakukan ketajaan perumahan. Saya juga terpaksa menanggung keperitan akibat ditipu dalam pelaburan dengan rakan baik sendiri. Slip gaji saya hanya tinggal RM139.00 Tidak cukup untuk menampung susu dan pampers anak-anak.</p>	25/8/2015	<p>Walaikumussalam..</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan khidmat kami melalui saluran yang disediakan. Berdasarkan maklumat tuan, tuan boleh memohon Skim Bantuan Ghorimin iaitu Bantuan Penyelesaian Hutang melalui borang permohonan yang boleh diperolehi di pejabat pentadbiran</p>

					Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak(MAIPk) yang berhampiran. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan adalah tertakluk pada pertimbangan ahli Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi MAIPk.
6.	25/082015	Hamba Allah	<p>Assalamualaikum. Maaf mengganggu. Ada benda yg saya nk tanya. Baru2 ini saya ada pergi jumpa seorang ustaz di Pulau Pinang. Kata Ustaz itu, setiap umat islam wajib. Mengucap 2 kalimah syahadah depan ustaz yg layak dan bertauliah dan baru akn dikira sbg muslim. Ustaz tu juga ada cakap yang setiap org Islam perlu ada ijazah atau sanad al-quran yg perlu di ambil dr guru yg bertauliah. Jika tidak mempunyai maka bila kita baca ayat al quran,akn melahirkan jin dalam badan. Dia caj sbnyk RM270 ringgit dan dikira sebagai fidyah utk berikan ijazah 30 juzuk al quran dan dia hanya suruh mgucap dan suruh baca al fatihah dan menganugerahkn kepada kita. Lebih2 lagi Ustaz, dia juga tengah mengajar ilmu ghaib dan galakkan kita semua ambil keilmuan ini. Katanya, dengan keilmuan ini, kami akn pergi berjihad ke jalan Allah dengan melawan jin dan iblis yg tgh merosakkan manusia sekarag dan tengah sebagai tentera utk melawan dan mengalahkn dajjal pd hari kiamat kelak. Dan untuk keilmuan ini, ustaz tersebut caj sbnyk rm550 sbg fidyah juga dgn alasan ustaz akan beri mknan kpada org2 miskin. Selain itu,ustaz tu beritahu yang dia menggunakn dan merawat pesakit yg sakit dgn bantuan kewalian Allah dan ustaz tersebut diberi tugas oleh Allah melalui kewalian. Tugas2 ustaz adalah seperti pergi ke gunung, hutan dan thailand dan bersuluk dan berzikir secara sendrian.Yang peliknya, ustaz hadirkn roh nabi Muhammad SAW dalam dirinya dan roh tersebut beri nasihat baik2 kpada kita. Selain itu ustz tersebut juga telah membawa roh nenek saya ke dalam badannya yg telah kembali ke Rahmatullah. Roh itu cerita keperitan dan kesakitan di neraka dan ceritakan pengalaman di neraka. Dia juga telah</p>	28/08/2015	Terima kasih di atas maklumat yang diberikan. Perkara yang dimaklumkan oleh tuan adalah merupakan di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Tuan boleh menghubungi pihak JAIPk di talian 05-2048000.

			<p>mendakwa dia boleh tahu siapakah jodoh kita. Kawan saya dan kelurganya terlalu percaya dan yakin akan ustaz tersebut smpai mereka terikut dgn ustaz tersebut dan setiap bulan menghadiri medi2 ustaz itu untuk mguatkan kuasa. Mereka semuanya kasyaf dan mereka kata mereka nmpk akn roh2 org meninggal dan wali Allah. Saya nak tanya yang adakah wujud ilmu sebegini dalam Islam? Dan saya ingin membuat aduan sekiranya sesat. Mohon pihak berkuasa ambil tindakan dengan kadar cepat untuk elakkan ramai lagi terikut dan terpengaruh. Ustaz itu mempunyai lebih kurang dalam 60 pengikut dan semuanya pengaruh teruk akn benda ini. Mohon jasa baik pihak berkuasa ambil tindakan secepat yg boleh. Terima kasih</p>		
5.	17/8/2015	Haslina binti Hassan	<p>Assalamualaikum, Saya Haslina binti Hassan ingin memohon bantuan bumbung untuk rumah yang saya diami sekeluarga kerana sewaktu hujan lebat bocor teruk sehingga menyebabkan banjir beberapa kali .</p>	18/8/2015	<p>Walaikumussalam.</p> <p>Pentadbiran ini memohon bantuan Puan untuk emelkan mengenai alamat dan nombor perhubungan Puan bagi tindakan selanjutnya. Puan juga boleh berhubung terus dengan Pejabat MAIPK berdekatan mengenai masalah yang dihadapi oleh Puan.</p> <p>Terima kasih.</p>
4.	11/8/2015	Siti Rohani binti Abd Rahman	<p>Sebagaimana yang sedia maklum, saya SITI ROHANI BINTI ABD RAHMAN pelajar tahun kedua Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains, Universiti Malaya. Saya ingin bertanya adakah saya layak memohon bantuan zakat MAIPK? dan jenis borang zakat apa yang perlu saya muat turun? Memandangkan kos pengajian saya adalah pengajian Islam dan sains. Saya tidak menerima apa-apa bantuan kewangan.</p> <p>Sekian, terima kasih</p>	14/8/2015	<p>Terima kasih kerana menggunakan khidmat kami melalui saluran yang disediakan.Untuk makluman cik, pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak mempunyai Skim Bantuan Dermasiswa Fisabilillah. Keutamaan yang diberi adalah kepada pelajar dalam bidang Sarjana Muda Jurusan Pengajian Islam. Sehubungan dengan itu, cik bolehlah membuat permohonan yang disediakan melalui borang Bantuan</p>

					Dermaiswa Fisabilillah pada laman web MAIPk ataupun di Pejabat pentadbiran MAIPk yang berhampiran.
3.	10/8/2015	Muhamad Amin Syazmer bin Mohd Syukri	Saya merupakan pelajar IPTS yang menerima bantuan pelajaran daripada baitulmal cawangan Taiping adik saya yang merupakan pelajar Politeknik mendapat bantuan yang sama berjumlah RM1000 tetapi mengapa saya yang mengambil ijazah sarjana muda hanya menerima RM600 sedangkan adik saya hanya asasi menerima RM1000.	14/8/2015	Terima kasih kerana menggunakan khidmat kami melalui saluran yang disediakan ini. Pihak kami sedang menyasat status sebenar situasi tuan dan tindakan akan diambil dengan kadar segera. Mohon kerjasama tuan agar dapat meninggalkan no telefon tuan untuk dihubungi pihak kami bagi menjelaskan keadaan sebenar. Segala kesulitan amat dikesali dan pihak kami memohon maaf atas kesulitan berkenaan.
2.	2/6/2016	Nur Farhana	Assalamualaikum.. Saya ingin bertanya soalan. Saya telah meninggalkan puasa pada Ramadhan 2006 dan tidak digantikan sehingga tiba Ramadhan 2007. Boleh saya tahu bagaimana kiraan bayaran fidyah tersebut dan bolehkah saya membuat bayaran melalui bayaran online? Diharap pihak tuan dapat membantu saya. Sekian, terima kasih.	13/6/2016	Assalamualaikum wbt.. Puan Farhana Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas kesudian pihak Puan berurusan dengan pentadbiran ini bagi maksud tersebut. 2. Berhubung kepada persoalan puan berkaitan bayaran Fidyah bagi yang telah ditinggalkan pada tahun 2006 sehingga 2007. Persoalan ini adalah secara umum kerana puan tidak menyatakan perkara-perkara berikut; 2.1. Bilangan Hari yang telah ditinggalkan dalam tahun 2006 2.2. Adakah bilangan hari yang ditinggalkan pada tahun 2006 telah diganti pada tahun 2007 atau masih berterusan sehingga ke hari ini (2016) 3. Berkenaan kaedah bayaran,

					<p>pentadbiran ini masih menggunakan kaedah konvensional iaitu bayaran tunai di kaunter Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang berada di lokasi puan. Sekiranya puan menetap di Ipoh, puan boleh terus merujuk ke MAIPk yang berhampiran iaitu di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak di Kaunter Pembayaran di Tingkat.4, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan atau sekiranya puan berada di Daerah boleh terus buat bayaran di mana-mana Pejabat Pentadbiran MAIPk Daerah yang berkaitan. Sebarang kemusyikilan pihak puan boleh menghubungi talian 05-2084050 (En. Zul-Azri Bin Hj. Hosaini).</p>
1.	27/5/2016	Yoong	<p>Selamat dengan Pengawai ,</p> <p>Dengan perkara atas saya ingin membuat pembayaran secara online untuk sewa tanah. IC no saya adalah 500410075111, bagaimana saya boleh membuat pembayaran tersebut.</p> <p>Sekian terima Kasih.</p>	1/6/2016	<p>Terima kasih atas pertanyaan tersebut, buat masa ini pihak MAIPk masih tidak mempunyai aplikasi bayaran secara online untuk pajakan hartanah Wakaf mahupun Baitulmal. Akan tetapi, cara pembayaran yang telah dipraktikkan adalah bayaran melalui pemindahan wang ke akaun MAIPk.</p> <p>Oleh yang demikian, pihak tuan boleh membuat transaksi pemindahan tersebut ke akaun bayaran sewaan hartanah Wakaf MAIPk iaitu melalui akaun Bank Islam (08013010050964). Jika hartanah tersebut adalah hartanah Baitulmal maka nombor akaun Bank Islam tersebut adalah (08013010031606).</p> <p>Setelah pemindahan dibuat, pihak tuan diminta untuk menghantar resit atau slip</p>

					transaksi Bahagian MAIPk,	tersebut Hartanah dan	ke- Pelaburan
--	--	--	--	--	---------------------------------	--------------------------	------------------